

28/01/2003

Rakyat wajar sokong kempen Aman Malaysia tentang perang

Pencinta Keamanan

KEMPEN memungut sejuta tandatangan yang dilancarkan Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) membuktikan bahawa rakyat Malaysia cintakan keamanan dan bencikan keganasan.

Sejuta tandatangan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan itu diserahkan

kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Puncak

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali bulan depan. Ia adalah suara rakyat dan pemimpin negara bagi kesejahteraan sejagat.

Kempen itu bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan turut mahu menyuarakan kecaman terhadap ketidakadilan serta kezaliman kuasa besar terhadap negara kecil dan tidak berupaya.

Melalui kempen itu, rakyat Malaysia menyuarakan tentangan mereka terhadap hipokrasi serta ketidakadilan Amerika Syarikat dalam isu Iraq, Afghanistan dan pembebasan bumi Palestin.

Saya tertarik dengan usaha Pemuda Umno serta badan bukan kerajaan dalam kempen itu.

Apa yang diharapkan, kempen ini walaupun digerakkan oleh Pemuda Umno, patut mendapat sokongan daripada semua parti politik sama ada dalam Barisan Nasional atau pembangkang.

Inilah masanya seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira fahaman politik bersatu untuk membuktikan bahawa negara ini menentang keganasan, penindasan dan peperangan.

Kita patut menunjukkan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia mahukan kehidupan dunia yang selamat, aman dan harmoni.

Oleh itu, seluruh rakyat Malaysia perlu menyokong kempen Aman Malaysia bagi mendesak kuasa besar supaya tidak angkuh, sombong dan rakus terhadap negara lain.

PENCINTA KEAMANAN,
Bangi, Selangor.